

28/09/1999

Rais dedah Anwar guna Ikatan musnahkan Umno

KAMPUNG GAJAH, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim dipercayai mula merancang untuk memusnahkan Umno dan menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 1990 menerusi penubuhan Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (Ikatan).

Bekas Menteri Penerangan, Datuk Dr Rais Yatim yang mendedahkan perkara itu berkata Ikatan ditubuhkan pada 28 Februari 1990, sebelum dipercayai ditukar nama kepada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dalam usaha Anwar mencapai matlamatnya itu.

Menurutnya, fungsi Ikatan antara lain ialah merancang pembentukan satu `sangkar kosong' pada 1990 untuk dipenuhi penyokong Anwar pada masa sesuai nanti.

"Bila Anwar dipecat, diarah `burung-burung perjuangan' itu masuk dalam sangkar ini (Ikatan). Ini bermakna sejak 1990, sudah mula ada rancangan menumbangkan Dr Mahathir dan Umno.

"Selama sembilan tahun, parti ini (Ikatan) dipegang dalam diam-diam untuk dijadikan senjata (oleh Anwar).

"Akhirnya, lihatlah apa yang dihadapi (berlaku) sekarang," katanya pada Ceramah Perdana Umno: Menjawab Segala Fitnah dan Tohmahan anjuran Umno bahagian Pasir Salak di Kampung Jawa di sini, malam tadi.

Dr Rais berkata, Anwar juga dipercayai memasang dengan cermat perancangannya sejak menyertai Umno pada 1982 dengan harapan untuk diangkat ke tahap tertinggi dalam parti tetapi dalam masa yang sama menunjukkan sikap berbaik-baik dengan Dr Mahathir.

Beliau berkata, Anwar turut meletakkan semua rakannya dari Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) serta penyokongnya dalam Umno ke merata tempat untuk memastikan rancangannya mencapai matlamat.

"Sewaktu menjadi Menteri Penerangan, saya lihat di bilik berita juga ditempatkan orang Abim untuk menyunting dan memberi kecondongan terhadap berita Anwar.

"Di seluruh negara, dia (Anwar) juga memasang `mentol-mentol' dari Abim dalam usahanya `mengAbimkan' Umno," katanya.

Dr Rais mendakwa disebabkan perancangan Anwar itulah antara punca utama beliau dan Tengku Razaleigh Hamzah keluar Umno kerana berpendapat wujud anasir yang cuba memusnahkan parti.

"Sekarang saya rasa puas hati apabila kembali dalam Umno kerana sudah tidak ada anasir, tukang karut, tukang pecah-belah dan orang yang mahu menjahanamkan Umno.

"Anasir ini tidak pernah rasa jadi ketua cawangan, ketua bahagian atau kerja keras untuk Umno tetapi mudah menjadi timbalan menteri dan menteri, kemudian mahu lebih tinggi daripada itu," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, orang Melayu perlu mengetahui dan memahami perancangan sulit itu supaya mereka tidak mudah menerima kehadiran serta dakwah Keadilan.

Berikutan itu, katanya, semua pemimpin dan ahli Keadilan diminta tidak menjadikan masalah dihadapi Anwar sebagai penghalang kepada perpaduan bangsa Melayu.

Beliau juga berkata, Pas memperalatkan Keadilan dengan menjadikan kes Anwar sebagai batu loncatan untuk mengabui mata pengundi terhadap perjuangannya.

"Saya menyeru Datin Seri Dr Wan Azizah (Ismail) agar mengambil langkah positif untuk kepentingan bangsa. Keadilan bukan parti Melayu, kembalilah kepada perjuangan asal menerusi Umno," katanya.

(END)